

Alasan yang dikemukakan oleh Abdullah Badawi (dan beberapa tokoh yang memang dijangkakan

akan mempertahankannya) sehubungan dengan perlantikan yang dilakukannya dalam 'rombakan' Kabinet baru-baru ini ialah beliau memerlukan suatu pasukan yang terdiri daripada tokoh-tokoh berpengalaman. Sebabnya pengalaman diperlukan ialah kerajaan kini sedang diambang melancarkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RM9).

Namun, bagi saya, alasan itu tidaklah begitu meyakinkan. Tugas berat kerajaan terhadap rakyat dan terhadap pembangunan negara tidak seharusnya dilaksanakan dengan efisien dan mantap hanya pada waktu-waktu sesuatu rancangan besar-besaran akan dilancarkan. Perkara itu harus sentiasa berterusan.

Pada saat ini dalam sejarah politik kita, persoalan yang paling utama ialah sejauh mana Abdullah Badawi telah melaksanakan perubahan dan penyimpangan daripada pelbagai 'kelemahan' yang telah terjadi selama lebih dua dasawarsa pemerintahan Mahathir. Setelah memperoleh mandat paling besar dalam pilihanraya umum di negara ini, Abdullah Badawi sepatutnya tidak mengalami sebarang kesukaran untuk mentafsirkan hasrat rakyat terhadap perubahan.

Tambahan pula, Abdullah Badawi telah sering menjanjikan bahawa dia akan melakukan pelbagai perubahan - khususnya perubahan ke arah pemerintahan yang lebih baik (*good governance*), masyarakat yang lebih demokratik dan lebih terbuka (*open society*), dan yang lebih penting lagi - membebaskan negara ini daripada gejala rasuah yang telah bercokol pada zaman Mahathir.

Namun setelah dua tahun Abdullah Badawi memegang jawatannya, banyak orang yang berasa kecewa. Malah sudah ada suara-suara yang menyatakan rasa ketidakpercayaan mereka terhadap kemampuan Abdullah Badawi membawa perubahan yang dijanjikan itu - bahawa Abdullah Badawi tidak lebih daripada pewaris dan penerus dasar pemerintahan Mahathir yang semakin hari semakin terdedah kebobrokanannya itu.

Bila terlalu didesak, Abdullah

Kabinet baru, orang lama...

Suara Keadilan 2-16/3/2006



Rustam A. Sani

hanya menyatakan bahawa dia sedang melakukan sesuatu dengan 'gaya(nya) sendiri'. Apakah intisari 'gaya(nya) sendiri' tidak siapa yang tahu. Yang jelas ialah bahawa ciri asasi gayanya sendiri itu ialah tidak ada sebarang tindakan (*inaction*).

Oleh kerana itulah banyak rakyat yang berpendapat bahawa Abdullah Badawi bukan sahaja tidak melakukan sesuatu, malah pemerintahannya dapat dikatakan berada dalam keadaan kucar-kacir. Para ahli Kabinet dari pelbagai parti komponen saling bercakaran tentang isu tertentu, para menteri dari kelompok-kelompok kaum tertentu sekadar berminat mempertahankan kepentingan kaumnya sendiri sehingga mereka dikhuatiri oleh para menteri dari kalangan kumpulan kaum yang lain.

Selain itu, terdapat pula para menteri dan timbalan menteri yang membuat kenyataan-kenyataan tolong mengalah - sehingga ada kalanya Perdana Menteri sendiri terpaksa mengeluarkan kenyataan untuk menjauhkan dirinya daripada kenyataan yang dibuat oleh para anggota Kabinetnya sendiri. Pelbagai isu yang timbul - seperti isu AP, keganasan Polis, lebuhraya runtuh - dibiarkan tergantung begitu sahaja, tanpa sebarang penyelesaian yang tuntas.

Dengan harapan yang ditimbulkan oleh janji-janji PM tentang gaya sendiri, pembersihan negara daripada dadah dan pentadbiran yang

lebih baik dan lebih efisien itu, maka semua pihak telah lama tertanti-nanti dengan penuh debaran rombakan Kabinet yang bakal dilaksanakannya dan siapakah tokoh-tokoh yang akan dibariskannya dalam pasukan Kabinet tersebut.

Dan barisan Kabinet baru itu telah diumumkan baru-baru ini. Hasil daripada pengumuman pasukan itu, banyak pihak yang berasa kecewa - bukannya berasa puas dan bahagia.

Ada beberapa tokoh lama yang dijangkakan akan digugurkan daripada Kabinet, namun mereka tidak digugurkan malah dipuji-puji PM sebagai orang-orang yang amat diperlukan negara demi pengalaman dan kepakaran mereka. Ada seorang dua yang telah digugurkan, namun mereka juga tampaknya tidak digantikan dengan tokoh-tokoh yang telah memperlihatkan kebolehan dan bakat dalam bidang-bidang yang akan dikendalikannya.

Apa yang jelas ialah Kabinet baru ini merupakan kabinet yang disusun demi meneruskan keadaan yang ada - Kabinet '*business as usual*'. Dalam membuat pilihannya, PM tampaknya amat kuat dipandu oleh pelbagai pertimbangan yang bersifat konservatif. Jika seseorang itu memimpin sebuah parti politik atau 'cabang' parti politik dalam pergabungan BN - katakanlah MIC atau Wanita Umno - maka kemungkinan seseorang itu dipertahankan kedudukannya sebagai anggota Kabinet amatlah besar, meskipun orang itu baru sahaja terlibat dalam sesuatu kontroversi yang tidak serasi dengan citra sebuah pemerintahan yang bebas daripada rasuah.

Ciri kedaerahan seseorang itu juga kelihatan amat penting. Seseorang itu akan ditempatkan dalam Kabinet jika dia dianggap mewakili daerahnya, meskipun dia baru sahaja digugurkan dari Kabinet kerana perannya yang tidak berkesan. Oleh itu, dalam Kabinet baru ini kita melihat beberapa tokoh yang telah gugur - dan sepatutnya menjadi tokoh yang bertaraf '*has-been*' dibawa masuk semula untuk menjadi anggota Kabinet.

Berdasarkan pengamatan kita terhadap Kabinet baru, nyatalah bahawa PM tidak begitu komited terhadap gagasan kerajaan bersih rasuah maupun kerajaan cekap. Tokoh-tokoh yang boleh dipersoalkan 'kebersihannya' dari kedua-dua aspek tersebut bukan sekadar dipertahan, malah ada yang dibawa masuk semula setelah digugurkan sebelum ini. Perlantikan anggota Kabinet sebenarnya merupakan hak sepenuh PM secara peribadi. Namun PM mestilah mempunyai kekuatan visi untuk membuat pilihan yang terbaik daripada sumber manusia yang ada, dan integriti moral untuk mengatasi kelemahan yang terdapat di kalangan organisasi yang menganggotai koalisi yang dipimpinnya!

Berdasarkan bentuk dan citra Kabinet barunya, nyatalah bahawa PM baru ini tidak mempunyai kekuatan dan integriti tersebut. Para anggota kabinetnya terdiri daripada 'tokoh-tokoh lama' yang telah diasuh untuk melaksanakan pemerintahan cara lama ala Mahathir. Sedangkan kebobrokan pemerintahan zaman

Yang kita perlukan adalah tokoh yang segar dan bersih. Namun bila PM membuat perubahan, maka perubahan itu tampaknya direka untuk mencapai tahap kebobrokan yang lebih tinggi. Mulai kini, Kementerian Penerangan kita akan dikendalikan oleh seorang yang sama sekali tidak faham konsep masyarakat terbuka maupun kebebasan maklumat - malah percaya tentang hak kerajaan memanipulasi maklumat dengan menggunakan badan penyiaran yang dibiayai oleh wang rakyat.

Mulai kini juga pendidikan tinggi kita akan tambah dikomoditikan. Menteri yang telah dilantik untuk mengendalikan Kementerian Pengajian Tinggi itu mungkin merupakan seorang ahli ekonomi yang berkebolehan - tetapi dia tidak pernah memperlihatkan komitmennya terhadap peranan universiti yang sebenarnya terhadap masyarakat. Besar kemungkinannya institusi pengajian tinggi negara ini akan dijual sepenuhnya kepada pasaran tenaga kerja.

Oleh yang demikian, dengan Kabinet baru ini kita akan dapat

Mulai kini, Kementerian Penerangan kita akan dikendalikan oleh seorang yang sama sekali tidak faham konsep masyarakat terbuka maupun kebebasan maklumat - malah percaya tentang hak kerajaan memanipulasi maklumat dengan menggunakan badan penyiaran yang dibiayai oleh wang rakyat.

Mahathir itu semakin lama semakin jelas terdedah - misalnya dalam isu AP, dalam isu kawalan dan regulasi yang amat lemah, dalam kes lebuhraya yang bakal runtuh dan membahayakan nyawa para pengguna, dalam amalan kronisme yang tergambar dari kes Metramac, malah dalam rasuah tahap antarabangsa yang mengorbankan wang rakyat berjuta ringgit supaya Mahathir dapat bersalaman dengan Bush.

Nyatalah kini bahawa negara tidak memerlukan sekumpulan para menteri yang mempunyai pengalaman dalam melaksanakan pemerintahan yang bersifat bobrok seperti ini.

mengharapkan segala yang bobrok dalam zaman pemerintahan Mahathir akan berjalan terus. Segala yang kita harapkan akan mengalami perubahan tidak akan tentu arah pembaharuannya - kerana melalui Kabinet ini PM Abdullah tidak memperlihatkan visinya yang jelas tentang ke arah mana negara ini akan dibawanya.

PM ini telah memilih untuk mengutamakan 'pengalaman' yang buruk daripada pembaharuan yang segar. PM ini telah memilih untuk mengutamakan RMK9 dan bukannya masa depan jangka panjang negara. Rakyat terpedaya dan berasa kecewa.

SK